



SIARAN AKHBAR

MAKLUMAN PENANGGUHAN SEMENTARA KEBENARAN KELUAR NEGERI BAGI PELAJAR-PELAJAR KE UNITED KINGDOM

Bandar Seri Begawan, Rabu, 30 Disember 2020

Berikutan makluman daripada Kementerian Pendidikan semasa sidang media yang telah diadakan pada 24 Disember 2020 mengenai penangguhan sementara kebenaran pelajar-pelajar untuk membuat perjalanan ke United Kingdom, dengan itu Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan bahawa kebenaran keluar negeri bagi pelajar-pelajar berkenaan ke United Kingdom juga akan ditangguhkan buat sementara waktu sehingga 31 Januari 2021, tertakluk kepada penilaian risiko Kementerian Kesihatan. Ini adalah termasuk kebenaran awal pelajar-pelajar yang berhasrat untuk membuat perjalanan ke United Kingdom mengikut penerbangan Diraja Brunei pesawat BI 003 yang dijadualkan pada hari Sabtu, 2 Januari 2021.

Walaupun bagaimanapun, pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan pengajian tertentu dan tidak ada disediakan pilihan pembelajaran (termasuk peperiksaan) secara dalam talian (*online*) di institusi pengajian masing-masing, perlulah menghadapkan permohonan terlebih dahulu ke Kementerian Pendidikan bagi mendapatkan pertimbangan khas untuk membuat perjalanan ke United Kingdom.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

15 Jamadilawal 1442
30 Disember 2020



PRESS RELEASE

TEMPORARY DELAY OF STUDENTS TRAVELLING TO THE UNITED KINGDOM

Bandar Seri Begawan, Wednesday, 30th December 2020

Following the announcement by the Ministry of Education during the press conference held on 24 December 2020 regarding the temporary delay of students travelling to the United Kingdom, the Prime Minister's Office would like to inform that the exit country approval for these students will also be temporarily delayed until 31 January 2021, subject to the Ministry of Health's risk assessment. This also includes the prior exit country approvals for students scheduled to travel to the United Kingdom via Royal Brunei flight BI 003 on Saturday, 2 January 2021.

However, students with specific learning needs and are not offered online learning options (including examinations) at their respective educational institutions may appeal to the Ministry of Education for special consideration to travel to the United Kingdom.

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Brunei Darussalam

30th December 2020